

## **IKLAN JAWATAN KOSONG**



### **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) yang ditubuhkan oleh Parlimen di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 merupakan sebuah institusi kebangsaan hak asasi manusia yang dipertanggungjawab untuk memupuk kesedaran dan mempertahankan hak asasi manusia. SUHAKAM ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berinovatif, berdedikasi dan berkelayakan untuk mengisi jawatan-jawatan berikut:

- Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI TADBIR - GRED N29**
- Tanggagaji : RM1,493.00 dan elaun tetap sebanyak RM810.00
- Taraf Jawatan : Kontrak (*Projek European Union*)
- Lokasi Pejabat : Ibu Pejabat Kuala Lumpur
- Kelayakan :
- i) Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/ Diploma atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Suruhanjaya;
  - ii) Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) dan Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Suruhanjaya;
  - iii) Mempunya pengalaman dalam sistem pemfailan dokumen dan pengurusan rekod kewangan.
  - iv) Berupaya bekerja dalam satu pasukan di bawah pengawasan yang minimum; dan
  - v) Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam hak asasi manusia.
- Kekosongan Jawatan : 1 kekosongan

## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

Penolong Pegawai Tadbir projek *European Union* adalah bertanggungjawab, antara lain seperti berikut:

- 1) Membantu pegawai dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti projek *European Union* seperti penganjuran seminar, ceramah, bengkel, dialog, mesyuarat, pameran dan sebagainya;
- 2) Menguruskan sistem pemfailan, rekod kewangan dan surat-menjurut projek *European Union*;
- 3) Membuat salinan dan penyediaan dokumen untuk tujuan mesyuarat/bengkel/seminar;
- 4) Membuat persediaan untuk mesyuarat serta memastikan bilik mesyuarat berada dalam keadaan baik;
- 5) Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

## **CARA MEMOHON**

Calon-calon yang berminat boleh mengemukakan surat permohonan yang mengandungi maklumat diri beserta salinan sijil-sijil akademik dan salinan Kad Pengenalan serta surat rujukan yang telah disahkan serta sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) **sebelum atau pada 15 September 2023 (Jumaat)** kepada:

**Setiausaha  
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia  
Tingkat 11, Menara TH Perdana,  
1001 Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur.  
Laman Web: [www.suhakam.org.my](http://www.suhakam.org.my)  
(Untuk Perhatian: Unit Pengurusan Sumber Manusia)**

Sila nyatakan jawatan yang dipohon di sebelah penjuru kiri sampul surat.  
Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temuduga.